

Tempoh pameran Draf Pelan Bandar Raya KL 2020 dilanjutkan

KUALA LUMPUR - Tempoh pameran Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 yang bermula pada 15 Mei hingga 30 Jun telah dilanjutkan hingga 31 Ogos.

Keputusan tersebut telah dimaklumkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab. Hakim Borhan dalam perjumpaannya bersama media di Bangunan Dewan Ban-

daraya Kuala Lumpur (DBKL) semalam.

Menurutnya, lanjutan tempoh tersebut perlu bagi membolehkan warga kota memberikan panda-

ngan dengan meneliti secara lebih mendalam mengenai draf tersebut.

Mengenai penglibatan Ahli Parlimen dalam Jawatankuasa Pen-

dengaran Awam, beliau menegaskan bahawa wakil rakyat boleh berperanan untuk memberikan pandangan mengenai draf pelan tersebut.